



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROFESOR MADYA DR. HANAPI HAJI MOHD NOR  
PENSYARAH DAN BAPA KEPADA MANGSA TRAGEDI MH17  
(AHMAD HAKIMI BIN HANAPI)

OLEH:

NIK NURIN ILYANA BT NIK MOHD YUSOFF 2012727271  
NOOR FARHANA BT HASSAN 2012902653

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROFESOR MADYA DR. HANAPI HAJI MOHD NOR  
PENSYARAH DAN BAPA KEPADA MANGSA TRAGEDI MH17  
(AHMAD HAKIMI BIN HANAPI)**

**OLEH:**

**NIK NURIN ILYANA BT NIK MOHD YUSOFF 2012727271  
NOOR FARHANA BT HASSAN 2012902653**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

**ASSALAMUALAIKUM W.B.T.**

Alhamdulillah, syukur kepada ALLAH S.W.T, yang telah memberi peluang dan kelapangan masa serta kesihatan yang baik kepada kami untuk menyiapkan tugasan berkumpulan ini. Tugasan ini disediakan oleh pensyarah yang kami hormati iaitu, Puan Nurulannisa binti Abdullah yang mengajar subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604). Tugasan ini ialah berdasarkan kertas kerja yang diberi oleh pihak universiti. Pertama sekali, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah yang telah banyak memberi maklumat yang berkaitan dengan tugasan, cadangan dan tunjuk ajar yang bernaik dari awal hingga akhir dalam proses menyempurnakan tugasan pendokumentasian sejarah lisan ini. Kami sangat menghargai segala nasihat dan masa yang telah diluangkan untuk memastikan kami berada di landasan yang betul bagi menyiapkan tugasan ini. Keduanya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada tokoh yang kami pilih iaitu Profesor Madya Dr. Hanapi Haji Mohd Nor dan keluarga beliau kerana memberi kerjasama yang amat banyak dalam membantu kami menyiapkan tugasan kami. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kami ucapkan kepada rakan-rakan yang telah banyak membantu kami terutama rakan sekelas kami iaitu dari kelas 5A yang banyak memberi idea-idea yang bermutu, berkongsi pendapat dan memberi semangat kerjasama yang tinggi dalam menyelesaikan tugasan ini. Selain daripada itu, tidak lupa juga ucapan terima kasih kami yang tidak terhingga kepada ahli keluarga kami terutamanya kepada ibu bapa kami yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan serta sentiasa mendoakan kejayaan ketika kami dalam proses menyelesaikan tugasan ini daripada permulaan sehingga semuanya selesai. Akhir sekali, penghargaan juga diberikan untuk semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tugasan ini.

Terima kasih.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** Temubual ini adalah antara Profesor Madya Dr. Hanapi Haji Mohd Nor bersama Noor Farhana binti Hassan mengenai kerjaya beliau sepanjang berkhidmat sebagai Ketua Jabatan di Universiti Sains Malaysia dan juga mengenai tragedi MH17 yang berlaku di Ukraine baru-baru ini. Transkrip temubual ini dijalankan di ruang tamu rumah Profesor Madya Dr. Hanapi bin Mohd Nor sendiri di Cyberjaya, Selangor pada 18 April 2015 bermula pada jam 11.59 pagi hingga jam 2.00 petang. Beliau merupakan tokoh yang berkhidmat dengan penuh berwibawa dan konsisten dari awal pembabitan beliau dalam kerjaya beliau sebagai seorang pensyarah. Temubual ini menumpukan pada pengalaman beliau sepanjang menjadi seorang pensyarah bermula tahun 1984 dan juga mengenai tragedi MH17 yang menimpa salah seorang ahli keluarga beliau pada tahun 2014 yang lalu.

**Kata kunci:** Profesor Madya Dr. Hanapi bin Mohd Nor, Universiti Sains Malaysia, Ketua Jabatan, Tragedi MH17, Ukraine.

---

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
	<b>SURAT</b>

Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	x

## Transkrip

Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1 - 18
Bahagian 2: Kerjaya.....	19 - 38
Bahagian 3: Tragedi MH17.....	39 - 50
Rujukan.....	51

## Lampiran

Log Wawancara.....	54 - 60
Diari Kajian.....	61 - 62
Senarai soalan.....	63 - 68
Surat Perjanjian.....	69
Gambar.....	70 - 75
Indeks.....	76

## **SENARAI GAMBAR**

Gambar 1: Bergambar bersama Encik Hanapi selepas sesi temubual .....	71
Gambar 2: Majlis Pengebumian Ahmad Hakimi .....	71
Gambar 3: Majlis Pengebumian Ahmad Hakimi .....	72
Gambar 4: Sahabat Arwah Hakimi bersama anaknya .....	72
Gambar 5: <i>Memorial</i> di Lapangan Terbang Amsterdam, Belanda.....	73
Gambar 6: Memorial di Amsterdam .....	73
Gambar 7: Encik Hanapi dan Puan Noriah, ibu bapa kepada arwah Hakimi .....	74
Gambar 8: Luahan hati Encik Hanapi.....	75

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



Nama	:	Profesor Madya Dr. Hanapi Haji Mohd Nor
Umur	:	68 Tahun
Tarikh Lahir	:	Tahun 1947
Pekerjaan	:	Pensyarah Universiti Sains Malaysia
Bidang	:	Pengajian Kemanusiaan
Tempat Tinggal	:	Summerglades, Cyberjaya
Hobi	:	Olahraga Wado
Kampung Asal	:	Kelantan
No. Telefon	:	013-934 3040
Email:		hanapimohdnor@gmail.com
Nama Isteri	:	Noriah bt Haji Daud
Nama Anak	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Husna bt Hanapi</li><li>2. Husnia bt Hanapi</li><li>3. Ahmad Hakimi bin Hanapi</li><li>4. Nur Humaira bt Hanapi</li></ol>

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Profesor Madya Dr. Hanapi Bin Mohd Nor merupakan anak jati Kelantan yang telah menetap di Selangor Darul Ehsan selama hampir separuh umurnya. Beliau merupakan seorang yang sederhana dalam percakapan dan sangat menghormati orang sekeliling tanpa mengira pangkat dan darjat. Tempat lahir beliau adalah di Kampung Pasir Hor, Kelantan dan bersekolah peringkat rendah dan menengah di sekitar Kota Bharu dan Kubang Kerian. Beliau menyambung pengajian ke peringkat ijazah pertama di luar negera seperti di Jakarta, Indonesia dan juga Kaherah, Mesir. Beliau menamatkan pengajian sarjana di Universiti Malaya pada tahun 2000, seterusnya beliau berkhidmat di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dalam bidang Pengajian Kemanusian. Perjalanan hidup beliau penuh dengan semangat untuk mendidik anak bangsa mengikut acuan dan ajaran yang betul yakni ajaran agama Islam. Beliau berkahwin dengan isteri beliau iaitu Puan Noriah Bt Haji Daud yang berumur 58 tahun. Puan Noriah merupakan suri rumah sepenuh masa dan beliau juga merupakan anak jati Kelantan yang berasal dari Kampung Kedai Melor. Puan Noriah juga seorang yang sangat baik hati dan mudah untuk didekati.

Sepanjang melayari bahtera bersama dengan Puan Noriah, mereka telah dikurniakan tiga orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Anak sulung mereka iaitu, Husna Bt Hanapi merupakan seorang suri rumah, anak kedua pula Husnia Bt Hanapi merupakan seorang Penasihat Undang-Undang di Jabatan Peguam Negara, anak ketiga ialah Ahmad Hakimi Bin Hanapi merupakan Pembantu Juruterbang dan telah meninggal dunia pada 17 Julai 2014 akibat daripada tragedi negara iaitu pesawat *Malaysian Airlines (MAS)* yang telah ditembak jatuh di Ukraine, dan anak bongsu mereka ialah Nur Humaira yang bekerja sebagai *Ground Staff* [pekerja pentadbiran] bagi syarikat penerbangan Emirates. Temubual ini berkisarkan mengenai perjalanan hidup, pengalaman dalam bidang kerjaya dan juga mengenai tragedi MH17 yang telah mengorbankan anak lelaki tunggal beliau iaitu Ahmad Hakimi.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Noor Farhana binti Hassan dan Nik Nurin Ilyana binti Nik Mohd Yusoff bersama Profesor Madya Dr. Hanapi Haji Mohd Nor mengenai pengalaman beliau sebagai pensyarah dan bapa kepada Allahyarham Ahmad Hakimi bin Hanapi iaitu mangsa kepada tragedi MH17 di Ukraine. Temubual ini dijalankan di kediaman beliau bertempat di Cyberjaya pada 18 April 2015 pada pukul 11.59 pagi sehingga pukul 2.00 petang.

Petunjuk:

EH : Prof. Madya Dr. Hanapi Haji Mohd Nor  
NFH : Noor Farhana bt Hassan

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**NFH : Assalamualaikum Encik?**

EH : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

**NFH : Sebagai permulaan perbualan kita, boleh Encik ceritakan sedikit latar belakang Encik Hanapi?**

EH : Ya, pertama kali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada saudari Nurin Ilyana dan saudari Noor Farhana kerana memilih saya sebagai responden kepada tugas akademik kalian. Saya Hanapi Mohd Nor, lahir tahun 1947 lalu di

sebuah kampung di daerah Kota, Kota Bharu Kelantan, tempatnya Kampung Pasir Hor Kota Bharu, Kelantan. Persekolahan rendah dan menengah adalah sepenuhnya di tanah tumpah darah saya di Kelantan, di Kubang Kerian dan Kota Bharu. Seterusnya, pengajian peringkat ijazah pertama di luar negara, di Jakarta dan juga di Cairo. Saya menamatkan pengajian peringkat sarjana di Universiti Malaya pada tahun 2000 dan setelah tamat peringkat Master, saya bertugas di *USM* [Universiti Sains Malaysia], Pulau Pinang, di Pusat Pengajian Kemanusiaan dan seterusnya sampai bersara di *USM* [Universiti Sains Malaysia] tetapi ditempatkan di Kampus Kesihatan Kubang Kerian, yakni pada tahun 2004, tahun saya bersara. Tetapi saya dilanjutkan sehingga tiga tahun di Kampus Kesihatan *USM* [Universiti Sains Malaysia], Kubang Kerian sehingga tahun 2006. Mulai tahun 2006 saya diterima oleh *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] di Kampus Gombak sehingga akhir tahun 2014 dan sekarang bersara sepenuhnya.

**NFH : Okay [baiklah], Encik Hanapi, boleh Encik ceritakan hobi Encik pada waktu lapang?**

**EH : Ya, saya ada hobi tetapi lapang itu biasanya tidak ada satu olahraga yang khusus tetapi saya mengamalkan olahraga yang dinamakan Wado, satu olahraga cara Jepun. Selain itu juga, saya mengambil waktu lapang itu untuk berjalan-jalan,**

melakukan olahraga secara berjalan kaki di tanah di tempat lapang. Itu sahaja, tidak ada hobi yang khusus.

**NFH : Encik, macam mana Wado itu?**

EH : Wado itu satu jenis olahraga yang ringan yang memerlukan kaedah yang bersepadau antara tenaga luaran dan dalaman yang memerlukan pergerakan anggota jasmani dalam waktu yang sama mementingkan konsentrasi. Ia bersifat mencergaskan jasmani dan dalaman seseorang. Saya memilih ini kerana dia ringan, bukan seperti Judo yang memerlukan tenaga kuat (ketawa). Jadi itulah sedikit kegiatan, walaupun sudah lama saya tinggalkan, tetapi itulah dikatakan kegiatan masa lapang saya yakni melakukan olahraga ringan yang disebut Wado dari tradisi Jepun yang berkembang sejak perang dunia kedua dan orang Jepun waktu perang itu mempunyai masa lapang. Dalam masa negara mereka berperang, mereka menghadapi masa ketidaktenangan dan mereka menciptakan budaya mereka iaitu seni mempertahankan diri dalam masa yang sama merupakan riadah. Selain itu, saya berjalan-jalan di taman-taman untuk sekadar mencergaskan badan.

NFH : Mengenai keluarga Encik Hanapi, boleh Encik Hanapi ceritakan serba sedikit siapa ayah, ibu dan adik-beradik Encik Hanapi?

EH : Orang tua saya, ayah saya berasal dari Kelantan bernama Haji Mohd Nor bin Yusoff berasal di Kubang Kerian. Ibu saya berasal dari Pauh Lima, daerah Bachok, Kelantan. Dari sebelah ayah saya itu adalah keluarga pedagang, peniaga dan pengusaha. Sementara di sebelah ibu saya tidak ada latar belakang perniagaan, suri rumah sepenuhnya. Walau bagaimanapun, oleh kerana keluarga sebelah ayah itu terlibat dengan perniagaan, maka ibu sayalah yang menjaga kedai runcit. Bermula di beberapa tempat di Wakaf Che Yeh, zaman sebelum pembangunan pesat sekarang, di Bunut Payong, kemudian di Kubang Kerian terakhir. Saya dan adik-adik dibesarkan di empat tempat ini di Kampung Pasir Hor, Wakaf Che Yeh, Bunut Payong dan Kubang Kerian sehingga peringkat menengah.

NFH : *Okay [baiklah], berapa ramai adik beradik Encik Hanapi dan apakah pekerjaan diorang [mereka]?*

EH : Saya mempunyai dua ibu, maksud saya ayah saya dari ibu pertama, kami mempunyai lima beradik, dari ibu yang kedua itu seorang. Dari lima itu meninggal [seorang], tinggal empat dan ditambah dengan ibu *paksu* [bapa saudara bongsu] saya berasal dari Padang Murah, Peringat, adik saya seorang di

situ. Jadi lima sekarang. Dan pekerjaan mereka, adik saya yang kedua itu, kerana dia tidak meneruskan pelajarannya, dia menjadi seorang petani di kampung dan telah meninggal dunia juga tahun lepas [2014]. Yang ketiga seorang jurutera yang telah pencen di syarikat swasta lepasan dari *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Shah Alam, *Chemical Engineering* [Kejuruteraan Kimia]. Kemudian yang ketiga di Bukit Aman seorang pegawai polis. Saya tidak tahu pangkatnya, hampir tiga tahun lagi [2018] akan pencen/bersara. Yang keempat perempuan, tinggal di *KL* [Kuala Lumpur], beliau menjadi suri rumah sepenuh masa.

**NFH : Encik Hanapi, boleh kami tahu Encik anak ke berapa?**

**EH : Ya, saya anak pertama dalam keluarga, anak sulung.**

**NFH : Tempat tinggal Encik sekarang, berapa lama tempoh Encik menetap di sini?**

**EH : Di Cyberjaya ini, baru hampir setahun, sebelumnya kami di Damansara Damai, juga di Selangor. Sejak kami di Kuala Lumpur ini, sejak tahun 2006 sehingga sekarang [2015]. Ertinya, setelah saya bersara dari *USM* [Universiti Sains Malaysia] Kubang Kerian, Kelantan. Tahun awal Jun 2006, berpindah ke Kuala**

Lumpur dan seterusnya bermastautin di Damansara Damai di Wilayah Selangor dan baru setahun di Cyberjaya.

NFH : **Selain rumah Encik *kat* [deka] sini, ada lagi *ke* [kah] rumah Encik Hanapi dekat negeri lain?**

EH : Memang ada di Pulau Pinang, *tapi* [tetapi] sudah dijual, sudah tidak ada lagi kecuali rumah orang tua di Kubang Kerian. Itu bukan rumah saya, rumah keluarga.

NFH : **Apakah faktor Encik Hanapi memilih rumah disini berbanding dengan rumah di negeri lain?**

EH : Pertama sekali, saya suka *adventure* [pengembaraan] dari awal, dari peringkat sekolah menengah lagi. Yang keduanya, faktor tugas. Yang ketiganya, sekarang ini di Cyberjaya adalah faktor anak-anak, dekat dengan anak-anak dan semuanya bertugas di sekitar Lembah Klang. Jadi, itulah faktor-faktor secara peribadi dan juga hubungannya dengan keluarga.

**NFH : Berdasarkan apa yang kami tahu, Encik sudah mendirikan rumah tangga.**

**Pada tahun bilakah Encik mendirikan rumah tangga?**

**EH : Dari tahun 1982, tarikhnya lupa (ketawa).**

**NFH : Siapakah nama penuh isteri Encik?**

**EH : Isteri saya namanya Noriah binti Haji Daud berasal dari kampung Kedai Melor, Kota Bharu, Kelantan.**

**NFH : Apakah pekerjaan beliau?**

**EH : Suri rumah sepenuhnya, dari awal hingga sekarang.**

**NFH : Keluarga Encik Hanapi dekat sini, berapa bilangan anak-anak Encik Hanapi? Ada berapa anak perempuan, anak lelaki?**

**EH : Empat semuanya, perempuan tiga, seorang lelaki, *tapi* [tetapi] sekarang ini tinggal tiga *je* [sahaja], kerana yang lelaki sudah pulang ke rahmatullah pada *tujuh belas julai dua ribu empat belas* [17 Julai 2014] yang lalu.**

**NFH : Apakah nama anak-anak Encik Hanapi dan apa pekerjaan mereka?**

EH : Ya, anak pertama saya, Husna binti Hanapi anak sulung, setakat ini walaupun dia mempunyai Diploma tetapi memilih menjadi suri rumah sepenuh masa. Yang kedua, Husnia binti Hanapi, menjadi Penasihat Undang-undang, Kaunselor di Jabatan Peguam Negara, dan ditempatkan di Kementerian Hijau, Kementerian Air dan ---. Anak yang ketiga itu sudah saya sebutkan tadi, terlibat dalam tragedi Ukraine pada 17 Julai tahun lepas [2014], sebuah tragedi negara dimana beliau adalah *Co-Pilot* [pembantu juruterbang] kepada *MAS* [Malaysian Airlines] dan beliau telah meninggal. Seterusnya, yang keempat, Nur Humaira, dia bertugas dengan Syarikat Penerbangan Emirates sebagai *Ground Staff* [pekerja pentadbiran]

**NFH : Anak-anak Encik Hanapi, berapa orang anak Encik yang sudah mendirikan rumah tangga, adakah mereka tinggal bersama Encik?**

EH : Ya, kecuali seorang daripada empat. Ketiga-tiga sudah mendirikan rumah tangga. Anak lelaki saya Almarhum, dia juga bersama sebelum ini, walaupun dia *punya* [mempunyai] rumah sendiri di Damansara *tapi* [tetapi] bilik khususnya ada bersama kami. Kemudian anak sulung saya, Husna, memang tinggal dengan kami disini dan juga anak bongsu yang belum berkahwin masih bersama, sementara yang kedua dia mempunyai rumah sendiri di Salak Tinggi

dengan suami.

NFH : *Okay [baiklah] Encik Hanapi, bagaimana cara Encik mendidik anak-anak*

**Encik sehingga berjaya? Apa prinsip hidup Encik Hanapi?**

EH : Ya, pendidikan itu bukan bermula sejak lahir, dia bermula jauh sebelum seorang anak itu lahir. Jadi apa yang kita --- sebagai orang yang menganggap Islam, kita meyakini bahawa perkembangan anak di alam rahim sangat penting, itulah ertinya selain mendoakan ALLAH S.W.T, memberi contoh yang baik dengan --- Saya tidak begitu bengis dengan anak-anak, jadi ertinya, bentuknya dengan contoh-contoh menggalakkan bergaul dengan baik, memberi limpahan kasih sayang sejak kecil seterusnya, dan *Alhamdulillah* [syukur] seperti yang kita harapkan menjadi insan-insan yang seimbang dari segi fizikal, emosi, mental dan rohani. Dan saya merasa bersyukur, apa yang kita harapkan itu diberi ALLAH S.W.T.

NFH : *Okay [baiklah] dalam aspek pendidikan pulak [pula], Encik Hanapi, pada*

**tahun berapa Encik Hanapi mendapat pendidikan awal?**

EH : Ya, pertengahan tahun 50-an, sekitar tahun *lima puluh empat* [1954], dan saya pada masa itu tinggal bersama nenek dan datuk di kampung. Orang tua saya di

pekan, di bandar kerana bermiaga dan seterusnya sekitar tahun sebelum berkerajaan sendiri iaitu tahun *lima puluh lima* [1955] itu, saya bersekolah di Sekolah Melayu Pasir Hor.

**NFH : Bagaimana pula pendidikan Encik di peringkat sekolah menengah dan pada tahun berapa Encik mula dan akhir bersekolah menengah?**

**EH :** Sewaktu saya bersekolah rendah, saya tidak menghabiskan masa sampai kelas enam, sampai tahun empat sahaja pada masa itu dan zaman itu zaman sebelum merdeka. Jadi sekolah menengah saya bermula di sekolah rakyat, namanya sekolah Yaakubiah di Lundang. Orang kata, apa yang tertarik pada masa itulah saya suka sekolah itu memakai seluar panjang. Sedangkan di sekolah lain seluar pendek. Entah bagaimana saya menuntut daripada orang tua saya *mintak* [minta] betul-betul nak pindah ke sekolah itu. Jadi, saya mula sekolah menengah itu, tahun *lima puluh tujuh* [1957].

**NFH : Semasa zaman persekolahan menengah, adakah Encik Hanapi aktif bersukan?**

**EH :** Tidak, saya masa itu hanya dua beradik, jadi ada sebabnya kurang itu. Selalu juga pergi ikut kawan-kawan bermain bola. Tapi oleh kerana orang tua ada

perniagaan runcit, di Kubang Kerian itu pasarnya, perniagaannya aktif waktu petang, jadi kalau bila mana saya pergi bersukan, mendapat reaksi yang tidak baik daripada orang tua, ayah, kerana *takde* [tidak ada] yang menjaga kedai, *takde* [tidak ada] pembantu. Jadi lama-kelamaan saya *give up* [putus asa] dengan kegiatan ko-kurikulum, sukan, main bola dan sebagainya. Jadi, saya sebenarnya tidak aktif dalam sukan dan sebagainya.

**NFH : Adakah Encik Hanapi pernah mencapai apa-apa dalam bidang ko-kurikulum?**

**EH :** Ya, sebagaimana saya katakan, saya tidak aktif dalam bidang ko-kurikulum terutama dalam bidang sukan. Jadi tidak ada *historical moment* [pengalaman bersejarah] yang boleh diingat (ketawa).

**NFH : Semasa sekolah, zaman persekolahan, siapa yang paling diingati dan masih rapat sehingga sekarang? Teman Encik Hanapi.**

**EH :** Masa sekolah menengah, teman rapat saya itu bekas wakil rakyat Kubang Kerian, Dun Undangan Negeri Kelantan. Itu dari sekolah rendah, menengah, teman yang paling rapat, cucu kepada *Tok Kenali* [Sejarawan Negara], namanya Mawardi bin Haji Ahmad. Tapi dia telah meninggal dunia. Jadi itulah yang

boleh kata teman yang paling rapat, yang orang kata dari awal sehingga bahkan di peringkat Ijazah pertama pun masih rapat. Sehingga dalam *profession* [kerjaya] masing-masing, kami tetap menjadi sahabat.

**NFH : Dalam bidang akademik pulak [pula], subjek apa paling diminati dan paling tidak diminati?**

**EH :** Oh ya, akademik ya (ketawa). Kerana sekolah saya itu tidak berturutan [tidak bersistem], dan saya telah memasuki tahun *lima puluh tujuh* [1957] tu [itu], telah mula dengan persekolahan rakyat, jadi ko-kurikulumnya berbeza-beza dan Malaysia ini, negara kita pada masa itu belum ada satu kurikulum yang menyatu diantara sistem sekolah madrasah dengan sekolah. Jadi, yang saya minat kalau dalam itu, algebra ya, yang diantara dia ada ilmu hisab algebra, geometri. Jadi hanya satu yang saya minat, iaitu sama ada hisab tulen atau geometri langsung tidak saya minat dan tidak ada kebolehan langsung (ketawa).

**NFH : Okay [baiklah], apa pengalaman manis dan pahit sepanjang persekolahan Encik Hanapi masih ingat?**

**EH :** Ya, pengalaman manis ya. --- Kita pergi pengalaman pahit dulu ya (ketawa), yang pahit itu ialah semasa persekolahan menengah saya di Kelantan, Kota

Bharu. Saya mengalami gangguan kesihatan sehingga menyebabkan hampir setahun berhenti cuti sekolah. Itu yang pengalaman pahit yang sampai sekarang masih diingati, pengalaman manis itu, kejayaan yang berterusan secara bersederhana, tetapi yang paling saya ingati itu, apakah di sekolah kami itu ada kegiatan *rhetoric* [syarahan] dan *debate* [debat] dan ini dianggap pengalaman manis apabila terlibat dalam debat atau perbahasan. Itu juga menjadi apa orang kata, walaupun di peringkat sekolah mendapat kejayaan, mendapat penghargaan daripada guru saya dan sebagainya. Itulah, di peringkat sekolah. Selain itu, saya juga pernah dipilih, ada juga istilahnya sekolah kami berpindah dari Lundang ke Kota Bharu itu, dipilih mengetuai, istilahnya pasukan keselamatan. Jadi, itu secara pilihan ya, secara undian. Itu menjaga keselamatan sebenarnya, bekerjasama dengan pihak pentadbiran sekolah. Sebenarnya itu, dibawah keselamatan ada ketua-ketua kelas. Jadi, itulah diberi amanah itu, satu penghargaan dan itulah ertinya, seingat saya, sesuatu yang bernilai.

- NFH : *Okay [baiklah], selepas tamat persekolahan dan adakah Encik terus melanjutkan pelajaran ataupun bekerja sementara?*
- EH : Ya, ada. Bekerja sementara sebagai guru sementara di Sekolah Islah masa itu. Jadinya untuk setahun, itu sajalah. Kemudian, melanjutkan pelajaran.

**NFH : Dimana Encik Hanapi menyambung pendidikan ke peringkat tinggi?**

EH : Saya telah diterima pada tahun *enam puluh tujuh* [1967], ke Jogjakarta, Indonesia. Masa itu selepas konfentasi, kita. Negara kita mengalami konfentasi dari pihak Indonesia, Presiden Soekarno. Tapi, apabila tamat itu, ramai pelajar, orang tua yang berminat menghantar anak-anaknya, dan saya salah seorang berminat untuk keluar negara pada masa itu. Dan diterima di Jakarta. Sebenarnya saya mengulang balik itu kerana ada satu cita-cita yang terpendam, nak jadi doktor perubatan. Jadi, memohon untuk bidangnya, bidang eksakta orang panggil. Dia ada dua bidang sosial budaya iaitu sastera dan perdagangan. Eksakta ini, sebenarnya bidang Sains lah. Jadi saya diterima, tahun dua bidang Sains di sebuah sekolah menengah di Jakarta pada tahun *enam puluh sembilan* [1969]. Cuma waktu disana, terlampaui ramai pelajar Malaysia, terutama Kelantan dan Kedah. Dan bila ramai ini, dia tidak, dia ada dua persatuan pula. Jadi saya, mungkin jiwa saya tidak suka dengan *compete* [persaingan] dengan persatuan. Jadi saya pindah dari Jogjakarta ke Jakarta itu kerana saya sudah ada sijil menengah, itu diterima di tahun satu di universiti lah. Jadi, *tak* [tidak] jadi ikut bidang Sains, *tak* [tidak] jadi *medical doctor* [doktor perubatan].

**NFH : Pada tahun berapa Encik Hanapi habis pendidikan tinggi tu [itu]?**

EH : Pendidikan tinggi itulah, Jakarta hanya dua tahun, pindah lagi ke Kaherah, tahun

*tujuh puluh lima* [1975] tamat. Setahun saja di Kaherah itu. Jadi saya tidak di satu peringajian. Pindah dan pindah. Dua tahun di situ, setahun di sini, akhirnya pada *tujuh puluh lima* [1975] selesai Sarjana Muda.

**NFH** : Di universiti itu, sape [sejauh] teman rapat atau teman seperjuangan dengan Encik Hanapi?

**EH** : Itulah teman saya tadi, cucu *Tok Ali* [sejarawan negara], namanya Mawardi Haji Ahmad yang paling rapat. Dan dia juga banyak sebenarnya yang rapat-rapat pada masa itu, tetapi yang paling rapat dari sekolah rendah, sekolah menengah dan sampai di sana [Kaherah] juga. Mawardi Haji Ahmad itulah yang paling rapat. Selain daripada tempat asal yang berdekatan di Kelantan, kami juga dari sekolah yang sama. Itulah teman saya yang paling rapat.

**NFH** : Okay [baiklah], dari aspek apa Encik memilih untuk mencari teman?

**EH** : Ya, aspek setiakawan, tolong-menolong umpamanya sahabat saya. Mawardi Haji Ahmad almarhum, dia telah berada di sana [Kaherah] lebih awal, jadi saya tidak memberitahu dia bahawa pada tahun *tujuh puluh tiga* [1973] saya akan ke sana. Saya sengaja tidak memberitahu beliau, tetapi dia mendapat berita daripada sumber-sumber yang lain. Beliau menguruskan asrama melayu di

*Cairo* [Kaherah], asrama Malaysia lah. Jadi dia yang menguruskan asrama tanpa pengetahuan saya sehingga memudahkan ---. Bila sampai disana, sewa rumah dengan kawan-kawan sebentar tidak sampai sebulan, nama saya telah tersenarai sebagai penghuni asrama. Dengan mendapat asrama ini, seolah-olah mendapat biasiswa. Ya, kenapa. Saya ingat belanja masa itu *lima* [5] paun sahaja kena bayar untuk tempat tinggal, asrama dan juga makan. Lima paun itu kalau dikira *lima darab empat* [5x4], tak [tidak] sampai *lima puluh ringgit* [RM50] Jadi, walaupun tidak ada biasiswa, tetapi dengan jasa baik sahabat saya dari sekolah rendah, sekolah menengah, sekampung pula itu, menyebabkan kemudahan yang luar biasa lah bagi saya.

**NFH : Okay [baiklah], pada pendapat Encik Hanapi, adakah teman seperjuangan ini merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran Encik?**

**EH :** Ya, tetapi yang lebih utama lagi ialah motivasi dari objektif kita, latar belakang keluarga. Misalnya, saya bukan dari keluarga berpendidikan tinggi, atau juga orang kata orang senang. Oleh kerana motivasi itulah sampai kita merubah nasib. Ya, itu yang lebih memberi satu motivasi, *encouragement* [peningkatan] kepada diri. Kemudian yang kedua itu adalah teman, kawan, sahabat saya iaitu istilahnya kemahuan diri. Sebab-sebab diantara kenapa kita *struggle* [bersungguh-sungguh], demi untuk kebaikan masa depan, apalagi saya bukan

dari sekolah konvensional, sekolah kerajaan yang masa itu tahun lima puluhan [50-an], pertengahan tahun awal *enam puluhan* [60-an], *even* [walaupun] sekolah yang dinamakan sekolah rakyat ini mempunyai masa depan yang cerah sepetimana sekarang. Oleh kerana itu, kerja keras dan kemahuan yang keras itu mendorong. Ataupun sahabat handai dan teman rapat itu menjadi faktor yang kedua bagi saya.

**NFH : Okay [baiklah], sehingga tahap apa tahap pendidikan Encik Hanapi?**

**EH :** Saya setelah berpetualang, ertinya menjadi pengembara di luar tanah air. Maka pada tahun *dua ribu* [2000] saya telah menamatkan PHD di Universiti Malaya akhirnya. Jadi, kembali kepada asal. Waktu tahun-tahun sebelum itu, selalu juga kampus Universiti Malaya kalau ada acara, tetapi kita sebagai mimpilah, dapat masuk menjadi mahasiswa di sebuah, satu-satunya pusat pengajian tinggi peringkat doktor di Universiti Malaya. Dan pada tahun *dua ribu* [2000], baru berhasil.

## **TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: KERJAYA**

**NFH : Okay [baiklah], selepas tamat belajar, apakah pekerjaan Encik Hanapi yang pertama?**

**EH : Ya, sebenarnya tahun *lapan puluh empat* [1984], saya telah tamat Master dan mula bertugas dengan *USM* [Universiti Sains Malaysia]. Pekerjaan pertama saya sebelum itu, sebelum Sarjana Muda, saya bertugas di Sekolah Menengah di Pulau Pinang. Tahun *lapan puluh dua* [1982], *USM* [Universiti Sains Malaysia] memberi biasiswa kepada saya untuk melanjutkan peringkat sarjana dan saya dihantar ke Amerika, itu bersama keluarga lah, anak masa itu Husna, tahun *lapan puluh dua* [1982] sampai tahun *lapan puluh empat* [1984]. Jadi, tahun *lapan puluh empat* [1984] sampai tahun *lapan puluh tujuh* [1987] bertugas di *USM* [Universiti Sains Malaysia]. Maksudnya saya tadi setelah tamat Sarjana Muda, bertugas di Sekolah Menengah sehingga *dua* [2] tahun, kemudian *USM* [Universiti Sains Malaysia] menawarkan biasiswa untuk menjadi tenaga pengajar. Jadi, *dua* [2] tahun membuat Master di *United States* [Amerika Syarikat], kemudian bekerja, tahun *lapan puluh tujuh* [1987] ke Universiti Malaya. Setelah kesana kesini, balik ke kampung.**

**NFH : Apakah pekerjaan Encik Hanapi sebelum bersara dan dimana tempat itu?**

EH : Ya, sebelum bersara, sebagaimana saya nyatakan tadi saya telah bersara tahun *dua ribu lima* [2005], saya adalah pensyarah, masa itu sebagai Profesor Madya di Pusat Pengajian Kemanusiaan di *USM* [Universiti Sains Malaysia] Pulau Pinang. Kemudian mulai tahun *dua ribu tiga* [2003], ditugaskan di *USM* [Universiti Sains Malaysia] Kampus Kesihatan Kubang Kerian. Jadi, saya bersara sebenarnya dalam jawatan Profesor Madya di Pusat Pengajian Kemanusiaan ditempatkan di Kampus Kesihatan Kubang Kerian.

**NFH : Apa faktor yang menyebabkan Encik memilih untuk bekerja disitu?**

EH : Ya, faktornya adalah peluang. Ertinya saya dari sekolah yang belum begitu bersistem sebagaimana saya sebutkan tadi. Jadi, apabila saya tamat Sarjana Muda Ijazah Pertama itu, saya diterima oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, bekerja di sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang, Sekolah Menengah Georgetown, Pulau Pinang. Jadi, memang cita-cita itu satu kemahuan, meneruskan pengajian lanjutan lah. Tetapi sudah tentu memerlukan biaya yang besar. Ya, *Alhamdulillah* [syukur], ALLAH S.W.T membuka jalan, boleh dikatakan *USM* [Universiti Sains Malaysia] masa itu menawarkan, kerana saya

sangat cergas masa itu diperingkat doktor oleh masyarakat. Jadi, saya masih ingat ada dekan masa itu, dekan Pusat Pengajian Kemanusiaan masa itu, Dato' Prof. Sahnol Ahmad, yang menghantar wakilnya kerumah tempat tinggal saya. Membayangkan bahawa ada peluang untuk menjadi calon tenaga pengajar *USM* [Universiti Sains Malaysia] di Pusat Pengajian Kemanusiaan, ada kekosongan maksudnya. Jadi oleh kerana itu, maksud saya peluang yang kita kembali pada ALLAH S.W.T. ALLAH S.W.T yang bukakan peluang masa itu. Jadi saya memilih *USM* [Universiti Sains Malaysia], ertinya dari sekolah kampung, dari sekolah rakyat yang belum bersistem, malah saya tidak punya sijil mantap kerana *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] masa itu belum ada lagi --- Jadi oleh kerana saya diluar sistem itu, walau bagaimanapun *USM* [Universiti Sains Malaysia], Dato' Prof. Sahnol Ahmad, sasterawan negara yang menjadi dekan Pusat Pengajian Kemanusiaan masa itu, mempelawa saya. Itulah, bagi saya ini peluang yang dikurnia oleh ALLAH S.W.T. *Alhamdulillah* [syukur], dan tahun yang sama saya mendirikan rumah tangga sebenarnya, tahun *lapan puluh dua* [1982], saya mendapat tawaran itu. Ada berkat jugalah, rezeki.

**NFH : Okay [baiklah], sepanjang Encik menjadi pensyarah, boleh ceritakan serba sedikit tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Encik?**

EH : Ya, tahun *lapan puluh empat* [1984], saya mula bertugas. Tahun *lapan puluh dua* [1982] sebagai tutor, tahun *lapan puluh dua* [1982] sampai tahun *lapan puluh empat* [1984] dikira oleh pengajian lanjutan peringkat Sarjana. Tahun *lapan puluh empat* [1984], saya mula bertugas di *USM* [Universiti Sains Malaysia] sebagai pensyarah. Tanpa disangka-sangka saya dituju [dilantik] sebagai Ketua Jabatan, mungkin kerana *takde* [tidak ada] orang masa itu. Tahun *lapan puluh empat* [1984] hingga tahun *lapan puluh tujuh* [1987] saya menjadi Ketua Jabatan. Masa itu, Tamadun Islam Tamadun Asia, mungkin faktor *takde* [tidak ada] staf, tetapi saya sehingga akhirnya menjadi pensyarah dan merangkap ketua. Istilahnya pengurus bahagian di *USM* [Universiti Sains Malaysia] sehinggalah saya pencen.

NFH : *Okay [baiklah], apakah pengalaman pahit dan manis sepanjang Encik Hanapi bekerja disitu?*

EH : Ya, kita dipusat pengajian tinggi ni ada tiga fungsi. Pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat. Kalau kita seimbang ketiga-tiga ini atau kita orang kata meningkat sumbangan dan pencapaian kita, maka akan cemerlanglah kita. Saya harus akui bahawa yang saya agak terkebelakang *sikit* [sedikit] dalam penyelidikan, tetapi dari segi positifnya saya diberi tugas inisiatif, pentadbiran

dalam jabatan dan itu maknanya nilai tambah dan juga khidmat masyarakat kegiatan kokurikulum. Pengalaman pahit itulah ertinya kelemahan dalam bidang penyelidikan ini menyebabkan tertangguhnya kenaikan pangkat. Itulah ertinya, walau bagaimanapun, kerana diberi tugas sebagai pentadbir berturut-turut, itu memberi nilai tambah dan sedikit sebanyak sumbangan masyarakat dan kegiatan kemasyarakatan dalam bentuk organisasi. Itu sedikit sebanyak membantu kearah pencapaian saya. Setakat itulah saya sedar bahawa di universiti ini, kita perlu sampai ke peringkat professional. Oleh kerana umur *dah* [sudah] lanjut, dan juga orang kata, rasa *tak* [tidak] perlu mengajar, itu menyebabkan ertinya saya merasa memadailah apa yang dicapai. Mengingat latar belakang sekolah rendah yang tidak bersistem, bukan dari konvensional sistem, cukuplah pencapaian dan *Alhamdulillah* [syukur] saya bersyukur kerana banyak lagi teman-teman sekolah saya yang terkebelakang. Pulang kampung, ada yang jadi ejen surat khabar. *Alhamdulillah* [syukur] pencapaian walaupun tidak secara maksimum. Kegiatan diluar akademik diambil kira oleh universiti dalam bentuk keanggotaan, badan-badan peringkat daerah, peringkat negeri, peringkat negara. Itu dikira khidmat masyarakat lah. Mereka memilih saya menjadi ketua belia Islam diperingkat daerah dan juga --- Kemudian juga menjadi anggota-anggota pengistilahan dewan bahasa dan pustaka. Itu khidmat-khidmat masyarakat yang ada diluar daripada universiti. Ertinya yang tidak secara langsung berkaitan dengan kegiatan akademik di kampus. *Research* [penyelidikan] itu akademik,

pengajaran sudah tentu. Khidmat masyarakat ini sebahagian daripada itu. Dan oleh kerana itulah saya kalau ditanya tentang, kalau yang tidak memuaskan itu ertinya kekurangan saya dalam bidang *research* [penyelidikan].

**NFH : Dari segi penyelidikan itu, dari segi apa penyelidikan yang Encik Hanapi lakukan?**

**EH :** Ya, penyelidikan yang terlibat itu projek dari negeri Johor tentang dari Jabatan Kerajaan Negeri Johor yang berkaitan dengan prospektif pembangunan bersepadu yang mana saya terlibat, itulah satu-satu *research* [penyelidikan] boleh saya langsai. Saya dari salah satu kumpulan --- yang dianjurkan oleh kerajaan Johor pada tahun *sembilan puluh lima* [1995] iaitu dalam bentuk pembangunan bersepadu dan pendidikan, keagamaan dan seterusnya.

**NFH : Di sebalik kejayaan Encik Hanapi, siapa pendorong utama Encik Hanapi?**

**EH :** Saya rasa --- kembali kepada latar belakang keluarga kerana kita harus bekerja keras, *struggle* [bersungguh-sungguh] untuk mencapai sesuatu objektif dan saya

rasa secara *tak* [tidak] langsung lah kedua ibu bapa. Di samping pengalaman saya membesar di kampung dengan orang kata, dengan nenek, dengan datuk dan bila hampir sekolah menengah saya baru ke pekan atau bandar dengan orang tua. Sudah tentu bisnes komuniti kita di Kelantan itu tidaklah hebat sangat, jadi walau bagaimanapun, sebagai keluarga yang terlibat dalam perniagaan, walaupun secara tidak berskala besar, ada beberapa kemudahan dari segi kewangan, dan oleh kerana itulah, kesedaran orang tua membaiayai itu menjadi nilai tambah, menjadi satu pendorong lah.

**NFH : Boleh Encik Hanapi berkongsi sedikit rahsia kejayaan macam pembahagian masa. Adakah Encik ada jadual sendiri?**

EH : Saya *ni* [ini] kurang bersistematik. Saya mengakui kurang pembahagian masa : dan sebagainya. --- saya, orang kata kelancaran, lancarnya saya belajar itu apabila di peringkat ijazah, sementara seperti saya sebutkan tadi, sekolah menengah, sekolah rendah, kesihatan kurang, tetapi *Alhamdulillah* [syukur] sewaktu di luar negara, di seberang laut, kesihatan, keseimbangan itu, ertinya saya banyak belajar. Kalau di laur negera itu bukan belajar di bilik ya, belajar di taman-taman. Jadi kita, selama ada taman, saya menjadi langganan taman itu dan disamping itu juga memberi faktor kesihatan kerana saya sudah banyak

belajar di situ dan idea ini berkesan. Ertinya, itulah faktor kelancaran belajar, pencapaian pun memuaskan. Faktor kesihatan, keseimbangan dari segi jasmani dan rohani.

**NFH : Sewaktu Encik Hanapi melanjutkan pelajaran di Kaherah, boleh Encik Hanapi ceritakan serba sedikit pengalaman belajar di sana?**

EH : Ya, itulah, bagi saya pengalaman yang paling manis. Walaupun tanpa biasiswa, kita boleh *survive* [teruskan hidup], dan boleh agak mewah. Dan ini saya berterima kasih dan bersyukur pada ALLAH S.W.T dan jasa baik sahabat saya tadi. Saya ceritakan tadi, sebelum tanpa diberitahu, dia telah menguruskan [kemasukan asrama]. Sahabat paling berjasa, menguruskan asrama, sebenarnya perlu mengundi, kerana dia telah awal memasukkan nama, jadi bila sampai tahun akhir *tujuh puluh empat* [1974], nama sudah tersenarai. Di samping itu, seperti mana saya katakan tadi, saya banyak belajar di taman-taman, belajar dan mengulangkaji kerana tidak ramai pelajar-pelajar yang --- jadi, ceritakan pengalaman yang menarik itu, lancarnya pembelajaran saya dan pergaulan juga di kuliah saya. Di kelas saya itu hanya ada *dua* [2] orang pelajar dari Asia, *satu* [1] dari Indonesia dan *satu* [1] dari Malaysia. Yang *sorang* [seorang] lagi itu dari Bosnia yang kebetulan menjadi orang besar, menjadi profesor dan juga

menteri ramai. Ertinya, ALLAH S.W.T memberi yang paling manis belajar pada masa itu dengan kehidupan waktu di Kaherah kerana ALLAH S.W.T melapangkan. Sebagaimana saya katakan tadi, tanpa biasiswa, dengan kemudahan yang ada menyebabkan dari segi keperluan dan kewangan terpenuhi. Kemudian, keseimbangan diri, kelancaran belajar sehingga orang kata menjadi salah seorang pelajar terpilih pada masa itu oleh Persatuan Malaysia Mesir tahun *tujuh puluh lima* [1975]. Jadi *Alhamdulillah* [syukur] ini kurniaan ALLAH S.W.T dan kita bersyukur dan jasa baik sahabat saya tadi yang sangat bermakna, Almarhum Mawardi Haji Ahmad.

**NFH : Semasa belajar di Kaherah, apa kursus atau bidang yang Encik Hanapi ambil?**

**EH :** Saya hanya --- ya, ada satu persamaan kalau kita tahun tiga di luar Mesir, tahun empat kena ada perjanjian. Jadi, bidang yang saya pilih itu bidang yang agak umum, iaitu Budaya Islam. Saya hanya setahun sahaja di Kaherah, jadi kerana dia ada *equivalent* [persamaan]. Jadi setelah itu saya jadi '*Lang Buana*' [tajuk rancangan televisyen] (ketawa). Pergi ke Eropah, ke Belgium, setelah tamat, ke Holland, England. Itulah orang kata daripada keselesaan hidup di Kaherah, bila kita ke Eropah harus berdikari, ada kepahitan lagi lah, kena kerja sendiri, kerja

siang malam untuk berdikari. Jadi, orang kata memang manis bila kita mengecap kejayaan dan keselesaan dalam belajar. Itulah tahun saya di Kaherah, saya merasakan hal yang paling menyenangkan dan paling berkesan.

**NFH** : Berbalik kepada pekerjaan Encik Hanapi sebelum ini, pensyarah kan, pernah Encik Hanapi menghadapi saat-saat kejatuhan dan bagaimana Encik Hanapi hadapi saat-saat itu?

**EH** : Ya, --- Nak dikatakan kejatuhan dalam kerja saya sebagai *academician* [ahli akademik], sebagai pensyarah tidak ada lah. Cuma *slow down* [perlahan] lah sebagaimana saya katakan tadi. Sepatutnya pangkat itu dicapai dalam waktu yang sepatutnya. *Tak* [tidak] adalah satu rasanya kejatuhan, tetapi orang kata ketinggalan sedikit *tu* [itu] ada dari segi kenaikan pangkat. Tapi walau bagaimana pun, bersyukur.

**NFH** : Berapa lama tempoh masa Encik Hanapi berkhidmat sebagai pensyarah?

**EH** : Saya, sebagaimana saya sebutkan tadi, *dua* [2] tahun di Sekolah Menengah. Jadi

kira-kira *lapan belas* [18] tahun sehingga pencen. Tapi setelah pencen itu disambung *tiga* [3] tahun di *USM* [Universiti Sains Malaysia], kemudian disambung tahun *dua ribu enam* [2006] di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]. Kemudian *tiga* [3] tahun di Kubang Kerian, tahun *dua ribu lapan* [2008]. Jadi saya berkhidmat dengan orang kata dengan *USM* [Universiti Sains Malaysia], *lapan belas* [18] tahun sahaja. Kita, bagaimana kerajaan peraturannya minimum *dua puluh lima* [25] tahun baru mendapat separuh gaji bila pencen. Jadi kerana saya hanya *lapan belas* [18] tahun sebelum pencen, walaupun jangka masa itu panjang kerana disambung selama sebelum pencen. Tetapi dari perkiraan hakiki, hanya *lapan belas* [18] tahun.

**NFH : Boleh Encik ceritakan kronologi atau peringkat Encik Hanapi dinaikkan pangkat dari peringkat awal sampai peringkat akhir?**

**EH :** Ya, tahun *lapan puluh empat* [1984], saya sebenarnya dipertanggungjawab sebagai Ketua Pengerusi, Ketua Jabatan itu sebagai kenaikan pengkat tapi sebagai tugas. Jadi tahun *lapan puluh empat* [1984] sampai tahun *lapan puluh tujuh* [1987] saya dapat cuti belajar, *lapan puluh tujuh* [1987] sehingga *sembilan puluh* [1990] saya di Kuala Lumpur di Universiti Malaya. Jadi Profesor Madya saya dapat tahun *dua ribu tiga* [2003]. Jadi lambat lah, itulah agak ketinggalan,

tapi *Alhamdulillah* [syukur] lah.

NFH : *Okay* [baiklah], berapa lama Encik Hanapi menyandang jawatan tersebut dan jawatan yang mana paling lama Encik sandang?

EH : --- paling lama tu, sebagai Profesor Madya lah.

NFH : *Okay* [baiklah], apa cabaran utama yang Encik Hanapi hadapi ketika Encik Hanapi menyandang jawatan tersebut. Dari segi apa dinilai dalam proses kenaikan pangkat?

EH : Ya, itulah, kunci penilai itu ialah dekan. Jadi, kriterianya ada iaitu monori ketiga-tiga komponen, pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat. Tapi walau bagaimanapun, yang memegang kunci itu adalah ketua, dekan. Jadi, kebetulan mungkin hubungan mesra dengan dekan, juga adalah faktornya. Jadi orang kata sebagaimana saya sebutkan tadilah, saya sedikit ketinggalan dalam penyelidikan kerana begini ya, dipanggil kursus wajib di universiti. Kita tanggungjawab seluruh pelajar waktu penilaian, ujian. Itu kursus wajib di

universiti yang dinamakan Tamadun Islam Tamadun Asia. Jadi, saya dengan mungkin kekurangan yang ada masa itu. Tetapi itulah yang menyebabkan orang kata kekurangan dalam bidang, kedua *research* [penyelidikan]. Walaupun pada khidmat kepada universiti sebagai Pengerusi Bahagian, istilahnya Ketua Jabatan itu berterusan. Walau bagaimanapun, mungkin itulah juga menjadi faktor nilai tambah sehingga walaupun kekurangan dalam *research* [penyelidikan].

**NFH : Selain menjadi pensyarah, adakah Encik mempunyai kejayaan dalam bidang yang lain?**

EH : Produktif dalam penulisan. Cuma ada buku terjemahan bersama yang saya terbitkan dalam bahasa dan pustaka tahun *lapan puluh enam* [1986]. Kemudian ada *satu* [1] projek terjemahan juga yang dewan bahasa, tetapi tidak sempat diterbitkan kerana entah bagaimana, tetapi itu saya selesaikan terjemahan bersama sebuah buku berkaitan dengan ekonomi agrarian, ekonomi pertanian dalam perspektif Islam. Kemudian, yang banyak itu dalam bidang penulisan dan kertas kerja dan seminar-seminar dan bidang-bidang penekanan saya, bidang itu ialah hubungan ilmu dan kesejahteraan sosial keperluan insan dan kesejahteraan masyarakat dalam bidang yang saya ceburi dan fokus. Ertinya yang berkaitan dengan tamawaji istilahnya teori ilmu berkaitan dengan sosial. Jadi, sosial

ekstramalogi maknanya berkaitan dengan teori, konsepnya ilmu untuk kesejahteraan. Dan tesis saya pun berkaitan dengan itu. Jadi, maknanya minat saya itu kearah *social well being* [kesejahteraan sosial] iaitu kesejahteraan sosial, kesejahteraan masyarakat dari perspektif Islam berbanding perspektif barat moden.

**NFH : Okay [baiklah], sepanjang menjadi seorang pensyarah dan apa sumbangan Encik Hanapi dan apa faktor-faktor hingga mencapai tahap itu?**

**EH :** Ya, itulah sumbangan kepada universiti dan secara tidak langsung kepada negara itu ialah menyelegarkan kursus universiti yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, iaitu menjadi pengurus bahagian atau ketua jabatan dari tahun *lapan puluh empat* [1984] sehingga dipindahkan di kampus Kesihatan Kubang Kerian dengan tugas yang hampir sama. Itu secara tidak langsung menjadi jawatankuasa, diberi kuasa diperingkat negeri Pulau Pinang dan negara misalnya dalam bahasa dan pustaka. Sumbangan secara tidak langsunglah, dan apabila menjadi jawatankuasa-jawatankuasa peringkat negeri Pulau Pinang dalam pelbagai kegiatan. Itulah sumbangan secara tidak langsung kepada *profession* [kerjaya] dan juga kepada negara.

NFH : Saya kagum dengan sumbangan-sumbangan yang Encik Hanapi dah [sudah] berikan kepada negara dan universiti. Di sebalik kejayaan dan sumbangan itu, macam mana Encik Hanapi bahagikan antara masa untuk bekerja dan masa untuk keluarga?

EH : Ya, keluarga saya, isteri saya itu suri rumah sepenuh masa (ketawa). Ya, ini memberi satu impak, kesan positif kerana tugas dengan anak-anak itu boleh ditangani oleh isteri. Lain halnya kalau kedua-duanya bertugas atau bekerja dan ini saya rasakan satu aspek positif daripada kerjaya saya kerana isteri boleh menangani masalah anak-anak dengan lebih masa dan menyebabkan pelaksanaan tugas saya dan penglibatan saya dengan masyarakat di waktu lapang itu lebih terarah dengan masa.

NFH : Okay [baiklah], pada waktu bilakah selalunya encik Hanapi akan focus terhadap sesuatu kerja, malam atau pagi?

EH : Ya, banyaknya pada waktu malam. Biasanya saya menggunakan pejabat. Di rumah, hampir tidak ada memberi sesuatu keadaan yang kondusif atau sesuai. Banyak sewaktu di Pulau Pinang itu, menggunakan waktu pejabat dengan jauh

malamnya. Biasanya waktu malam.

**NFH : Okay [baiklah], apa perancangan Encik pada masa akan datang?**

**EH : Perancangan saya itu ialah supaya perkembangan dan pertumbuhan akademik supaya jangan terhenti dalam konteks *tiga* [3] komponen tadi iaitu ada sedikit kegiatan dalam pelajaran, dan semasa itulah fokusnya dalam penyelidikan juga walaupun dalam bentuk hanya menerbitkan misalnya hasil daripada kajian PHP saya itu mahu diterbitkan, dan juga khidmat masyarakat secara langsung dan tidak langsung. Dan oleh kerana itulah hasrat saya masa depan supaya ketiga-tiga fungsi ini akan terus berterusan walaupun tanpa bertugas di sesebuah institusi yang khusus.**

**NFH : Okay [baiklah], adakah pencapaian Encik Hanapi ini memberi inspirasi kepada ahli keluarga Encik?**

**EH : Saya rasa, dalam bentuk keluarga besar, keluarga saya ini nampaknya anak-anak berminat dalam akademik dan anak-anak buah dan keluarga besar saya, anak**

saudara dan adik-adik ipar banyak yang berminat kepada akademik. Mungkin itu kesan daripada secara tidak langsunglah, terutama dalam bentuk pendidikan. Dikalangan keluarga besar kita banyak menghantar anak-anak sekolah tahfiz dan akademik. Sebelum ini belum ada kearah itu. Tetapi mungkin secara tidak langsung lah kesan itu.

**NFH : Okay [baiklah], bagaimana perasaan Encik Hanapi apabila mencapai tahap kejayaan sehingga tahap ini?**

**EH** : Sebenarnya, belum merasa puas. Tetapi menyedari kemampuan diri sendiri dan kita bersyukur kepada ALLAH S.W.T dan kita melihat kebawah. Kita pulang kampung, lihat teman-teman sekolah yang pencapaian mereka tidak sebagaimana yang kita capai. Ertinya bukanlah dari segi kebendaan atau material, pencapaian harta benda dan sebagainya. Tetapi saya merasa bersyukur kepada ALLAH S.W.T kerana dalam latar belakang yang tidak sebegitu lengkap dari segi pembelajaran dan akademik, dapat juga mencapai untuk menjadi mahasiswa *pada* [sehingga] menara gading didalam negeri dan *diluar* [negara].

NFH : *Okay [baiklah], kejayaan sekarang dan adakah memberi impak yang besar kepada Encik Hanapi sendiri?*

EH : Ya, kita tidak merancangkan untuk menjadi *academician* [ahli akademik] tetapi kita telah terlibat dalam secara langsung ditakdirkan kita merasa puas, *Alhamdulillah* [syukur]. Cuma sudah tentu kepuasan itu tidaklah berperingkat, mungkin *tujuh puluh peratus* [70%]. Sebagaimana saya katakan tadi, saya belum puas dalam membentuk mengeluarkan hasil *research* [penyelidikan] dalam masyarakat.

NFH : *Okay [baiklah], dari segi aspek pendidikan ni [ini], yang last [terakhir] sekali, apa harapan Encik terhadap anak-anak bangsa selepas mencapai kejayaan ini?*

EN : Saya sendiri harapkan satu pencapaian yang bersepadau dari segi misalnya dari segi akademik dan juga *non-academic* [bukan akademik]. Istilahnya dari segi rohani, jasmani. Sebagai menjalani sebagai hamba ALLAH S.W.T, sebagai khalifah ALLAH S.W.T di bumi iaitu *satu* [1] pencapaian bersepadau dari segi akademik dan juga *attitude* [sikap], pembawaan, cita-cita dan pencapaian. Pencapaiannya yang dikatakan *hasanah dunia, hasanah akhirat* [kebaikan di

dunia dan di akhirat]. Kita tidak mahu pencapaian yang terpisah. Itu duniawi. Kita mahu duniawi dan ukhrawi, rohani dan jasmani termasuk juga penguasaan ilmu, mental dan emosi. Yang penting dalam kehidupan kita bukan pencapaian yang cemerlang atau sangat cemerlang. Yang penting ialah pencapaian seimbang. Kalau kita dikatakan tadi, seimbang itu merujuk kepada *human nature* [manusia semulajadi], tabi'e insan, iaitu kita ada jasad, ada fizikal, ada spiritual, ada mental dan emosi. Keempat-empat komponen ini mesti dipenuhi dan juga dalam keadaan yang seimbang. Itulah saya mengharapkan ummah kita, anak bangsa kita, mencapai kejayaan yang seimbang, fizikal dengan mental. Bukan cemerlang itu tidak perlu, tidak cemerlang pun, tidak mengapa. Banyak pemimpin dunia yang gagal dalam pelajaran misalnya matematik, tapi dia telah menjadi presiden sebuah negara. Presiden A.S [Amerika Syarikat] itu, pada tahun *enam puluhan* [60-an], dalam sejarah persekolahan dia pernah lari dari sekolah dan dari rumah kerana dia gagal dalam matematik sehingga pergi ke bandar memilih kerja kilang ais. Tetapi dia mempunyai --- pernah mendaftar menjadi tentera, sehingga dalam ketenteraan dia mencapai pangkat yang tertinggi iaitu jeneral. Dan akhirnya, menjadi presiden. Jadi, ertinya keseimbanganlah yang kita perlu capai kepada anak-anak kita. Bukan semata-mata cemerlang, berapa A, jadi itu bukan bererti tidak penting. Penting tapi bagi ibubapa yang anak-anak tidak mencapai tahap kecemerlangan sepenuhnya dalam keputusan SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Tidak perlu merasa risau, yang

penting keseimbanganlah yang disebut dalam Al-Quran. “*Hasanah dunya, hasanah akhirah*” [kebaikan di dunia dan di akhirat]. Rohani, jasmani, emosi dan mental. Keseimbangan juga berkait dengan kesederhanaan iaitu kepuasan, *satisfaction* [kepuasan]. Jadi, disamping kecemerlangan, kita perlu bekerja dan berusaha kearah membentuk suatu individu, keluarga dan masyarakat yang seimbang.

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: TRAGEDI MH17**

**NFH : Boleh Encik Hanapi menceritakan situasi yang berlaku apabila mendegar khabar berita mengenai kejadian ini?**

**EH :** Waktu itu saya sempat berbuka puasa dirumah dan saya sempat solat terawih di masjid berdekatan. Jadi pukul *dua belas* [12] *pagi* [waktu Amsterdam] dia [Ahmad Hakimi] bertolak ke Kuala Lumpur. Jadi kira-kira pukul *sepuluh setengah* [10.30 malam] saya dapat terima berita *tu* [itu]. Jadi suasannya jadi saya *sorang* [seorang] yang dapat berita. Jadi dikatakan berita yang paling awal kerana media televisyen media elektronik dikatakan tu media cetak belum mendapat *lagi* [berita]. Suasana saya semasa itu, secara peribadi merasakan perlu kepada kekuatan, memohon ALLAH S.W.T memberi kekuatan dan *Alhamdulillah* [syukur] boleh menghadapi dengan tenang kerana kita sedar bahawa dalam hidup ini susah atau senang itu semua cubaan. Jadi kerana memiliki kekuatan itu walaupun --- bila rasmi diisyiharkan berlaku itu bagi saya sudah hampir *sembilan puluh peratus* [90%] benar, jadi tidak ada lain kita mengambil wuduk dan sembahyang hajat ini dan anak-anak masih sudah --- ada mula berita keluar, jadi semua kelam kabut, jadi sebahagian besar tidak percaya, dan seterusnya bagi saya walaupun apa pun yang berlaku kita kena redha. Ringkas cerita, isteri almarhum dan bersama cucu dan sebahagian besar anak-anak dan termasuk ibunya iaitu bondanya, isteri saya masih belum yakin tetapi setelah dikeluar berita itu dan ada pengesahan senarai nama yang sudah pun

dikeluarkan jadi memang keluarga sangat-sangat dalam keadaan yang tidak stabil lah. Dan apa tu sangat resah kerana tidak --- yang sangat tragis lah. Cuma saya *Alhamdulillah* [syukur] diberi kekuatan menghadapi --- boleh menenangkan ahli keluarga.

**NFH : Sebagai ahli keluarga, bapa kepada mangsa bagaimana Encik Hanapi mendapat layanan daripada pihak terlibat contohnya dari pihak media?**

**EH :** Pihak media antarabangsa dan juga tempatan memang mereka sangat berminat untuk mendapatkan pandangan dan pendapat dari pihak keluarga ya. Cuma saya ada syarikat-syarikat luar negara dari Amerika dan seterusnya saya menolak untuk ditemubual lah kerana beberapa *precaution* [berjaga-jaga]. Dan dalam masa yang sama juga saya menolak *jugak* [juga] tidak menerima wakil-wakil media untuk datang kerumah atau untuk *interview* [ditemuramah] supaya untuk mengelak daripada salah faham kerana, orang kata seorang yang meninggal anak kita meninggal belum lagi sepenuhnya kerana dia [Ahmad Hakimi] masih ada anak dan isteri serta keluarga belah isteri. Jadi dalam keadaan begitu, cuma hari yang ketiga, ertinya tadi media sangat berminat dan baguslah cuma kita cuba mengatur jarak supaya di peringkat awal *tu* [itu] jangan dimanipulasi berita-berita yang sensasi dan sebagainya. Namun hari yang ketiga saya telah

terbuka kepada media termasuk media luar negara dan sebagainya. Stesen televisyen yang pertama *interview* [ditemubual] melalui telefon adalah dari Indonesia dan siaran langsung dari TV9, Astro dan seterusnya. Ringkas cerita, media biasalah tugas mereka mencari berita dan sudah tentu tiada masalah lah dari segi layanan dan sebagainya.

**NFH : Semasa di Amsterdam untuk proses pengecaman, bagaimana suasana ketika disana?**

**EH :** Sebelum berangkat ke Amsterdam ke negeri Belanda, Holland. Kami telah dimaklumkan dari pihak *MAS* [Malaysian Airlines] syarikat penerbangan Malaysia tentang penemuan jenazah Ahmad Hakimi dan termasuk yang paling awal dicam, jadi keluarga kami yang mula-mula paling awal kesana. Jadi sampai disana sebenarnya tidak orang kata jenazah itu telah disiapkan telah dimandikan telah dikenalpasti dan dimaklumkan di Pengkalan Tentera Laut Belanda dan kemudian dibawa ke ibu negeri Donestik dan telah dipastikan oleh wakil-wakil *JAKIM* [Jabatan Kemajuan Islam], imam dan juga pegawai-pegawai hal ehwal Islam disana dan mereka telah mengenalpasti dan telah memasukkan [jenazah] ke dalam keranda. Dan ertinya disitu, kami bukan tidak dibenarkan tetapi dinasihatkan tidak melihat jenazah kerana sudah siap dalam keranda yang

tertutup. Tetapi Alhamdulillah saya secara peribadi ALLAH S.W.T memberi kekuatan boleh menghadapi cuma bondanya, isteri saya sudah tentu sebagai seorang ibu emosi yang tidak terkawal, apalagi apabila kerajaan Belanda telah membuat satu *memorial* [peringatan] di lapangan terbang, mengambarkan semua penumpang, krew termasuk gambar Ahmad Hakimi dan semua krew yang terlibat di lapangan terbang disudut lapangan terbang itu. Mungkin kerajaan Malaysia tidak berminat untuk membuat *memorial* [peringatan] itu kerana sensitivitinya tetapi dibuat *memorial* [peringatan] di peringkat awal kerana selain daripada satu tragedi yang menimpa hampir 10 [sepuluh] negara selain daripada itu orang Belanda hampir banyak [penumpang], jadi waktu di *memorial* [peringatan] itulah saya dan isteri tidak boleh menahan emosi kerana kita melihat anak kita ditempat yang jauh dan jadi *satu* [1] tragedi yang tercatat dalam sejarah bukan *saja* [sahaja] ditempat kita tapi di Eropah dan gambarnya terpampang ---. Jadi ertinya, seperti yang saya katakan dari awal ALLAH S.W.T memberi kekuatan kepada saya secara peribadi Cuma ia memungkinkan saya menenangkan keluarga jadi di Amsterdam itu, tidak ada yang sangat luar biasa cuma kesedihan yang terkawal.

**NFH : Sebagai bapa kepada Almarhum Ahmad Hakimi, sebagai anak lelaki tunggal dalam keluarga, bagaimana sikap dan perwatakannya dengan ahli**

### **keluarga yang lain?**

EH : *Alhamdulillah* [syukur], bagaimana saya katakan tadi pentingnya keseimbangan dalam keperibadian, perwatakan, tingkah laku. Saya bersyukur, Ahmad Hakimi sebagai anak lelaki satu-satunya mempunyai watak-watak itu yang seimbang, seorang yang *concern* [ambil berat], saya ingat umur akalnya lebih melangkaui umurnya dari segi *concern* [ambil berat], menitikberatkan keluarga dan adik-adik dari segala segi lah. Jadi sebenarnya bagi kami ini *satu* [1] kehilangan yang besar kerana dia menjadi tonggak kepada kepada keluarga kerana dia mengambil tugas bapanya jadi bagi kami ini adalah *satu* [1] kehilangan yang besar tetapi sebagaimana yang saya sebut di tanah perkuburan di depan pembesar-pembesar negara bahawa kami redha dengan apa yang berlaku kerana yakin dengan janji ALLAH S.W.T. kepada seseorang hambanya yang terlibat dalam *satu* [1] tragedi yang sebegini dijanjikan ALLAH S.W.T dengan sebaik-baik janji, istilah kita dengan syahid dunia. Cumanya saya peringatkan juga *satu* [1] tragedi ini tidak akan berlaku kecuali ada sebab musabab dan ini suatu bukan tragedi peribadi dan keluarga yang terlibat, ia tragedi negara. Oleh kerana itu saya sebut, sebab akibat itu ada *dua* [2], *satu* [1] adalah sebab bersifat benda misalnya kerosakan teknikal yang kedua sebab *immaterial* [bukan benda] yang saya tekankan tetapi tidak disiarkan oleh surat khabar bahawa sifat bukan benda inilah perlu dicari, perlu diselidiki dan perlu diperbaiki dalam kaitan tragedi yang menimpa negara bukan sedakar menimpa keluarga dan staf ataupun

penumpang sebab tragedi negara yang berturutan *pulak* [pula] dengan MH370 yang lebih orang kata lebih menyedihkan kerana tidak jumpa sampai sekarang kemudian diikuti dengan tragedi MH17 dan ini sebuah tragedi negara bagi pemimpin-pemimpin negara harus meneliti harus melihat kedalam sebab musabab dalam hubungan kita sesama manusia dalam hubungan kita dengan melibatkan --- kerana saya menyebut disitu dalam merujuk Surah As-Syura: Ayat 30 yang bermaksud (membaca potongan ayat Al-Quran) jadi kita kena muhasabah, sudah tentu *tak* [tidak] disiarkan bahagian yang disebut itu dalam bahagian awal berita. Jadi disini sikap saya secara peribadi ialah perlunya kita redha kerana kalau sesuatu terjadi misalnya terjadi sesuatu sudah menjadi takdir dan tidak boleh merasa terkilan atau sebagainya dan kita redha kerana kita yakin kepada kasih sayang ALLAH S.W.T. Tapi diperingkat kedua iaitu hubungan *horizontal* [mendatar], tadi hubungan *vertical* [menengak] dengan ALLAH S.W.T yang Maha Esa. Dengan hubungan mendatar bermaksud dalam konteks tragedi negara ini para pemimpin dan rakyat Malaysia seluruhnya harus muhasabah kalau ada kekurangan, kesilapan mesti diperbaiki. Itu mesej saya yang disampaikan bila diminta dalam ucapan ringkas di tanah perkuburan Presint 20 masa itu. Apakah mesej yang disampaikan atau tidak. Wallahuualam.

**NFH : Apakah memori yang paling bermakna terhadap Encik Hanapi dengan arwah Ahmad Hakimi?**

EH : Secara umumnya, Ahmad Hakimi membesar dalam keadaan yang menyenangkan, kesihatan yang mantap, pencapaian akademik yang agak cemerlang tetapi itulah saya sebagai bapa merasakan bersyukur tetapi memori paling tidak dilupakan adalah *concern* [ambil berat] dia seolah-olah mengambil tugas orang tuanya itu yang paling --- samada dari segi apa *saja* [sahaja] lah, sebagai seorang pensyarah kita tidak terlampau mewah hingga menyebabkan dia memilih kerjaya yang agak mencabar. Dia adalah *student engineering* [pelajar kejuruteraan] di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] tetapi dia tidak berminat menjadi jurutera biasa, katanya kurang mencabar dan kebetulan ditawarkan oleh MAS untuk menerima latihan sebagai juruterbang dan dia memilih kerjaya itu dengan juga supaya dia melihat dari segi prospek --- dan ini suatu takdir bagi kami kalau dia jadi jurutera biasa dia mungkin tidaklah berlaku tapi kita tidak persoalkan itu. Jadi merujuk kepada soalan tadi ialah kerana sikap dia sebagai pengganti orang tua terhadap adik-adiknya, keluarga, terhadap urusan domestik dalam rumah sehingga dia memikirkan bagaimana melengkapkan rumah dan kadang-kadang dia *jugak* [juga] berbuat sendiri sebagai *student engineering* [pelajar kejuruteraan]. Jadi itulah yang paling berkesan itu ialah sikap beliau [arwah Hakimi] terhadap keluarga kepada orang tua.

**NFH : Apakah kesan yang telah berlaku kepada keluarga Encik Hanapi selepas terjadinya kejadian ini?**

**EH** : Kesan yang dilihat secara peribadi dululah dan kemudian kepada keluarga ya. Saya secara peribadi kesan yang pertama itu, meningkatkan tahap prihatin kita kepada kehidupan, kesedaran kita mengenai hakikat kehidupan kita di dunia ini yang disebut dalam Al-Quran bahawa dunia ini tempat manusia diuji dan ujian itu samada dengan kesusahan, tragedi, malapetaka ataupun kesenangan dan bukan sahaja kesusahan. Oleh kerana itu, kesan secara peribadi dan juga kepada keluarga ialah mendekatkan lagi kepada hakikat kehidupan bahawa kita ini hamba dan khalifah ALLAH S.W.T dibumi yang - mana lebih bermakna hidup, lebih prihatin dicampur kesedihan lebih kepada kegembiraan tetapi kita cuba mengatasinya terutama bonda dia lah, isteri saya nampaknya kesedihan mengatasinya kegembiraan setelah tragedi ini berlaku kerana apabila nama Ahmad Hakimi disebut atau melihat cucunya dia tidak lepas dari tangisan dialah. Ertinya kesedihan itu diperingkat keluarga terutama ibunya masih mengatasinya kegembiraan kerana Ahmad Hakimi sebagaimana katakan tadi sebagai anak yang merasa bertanggungjawab kepada keluarga daripada hal domestik kepada hal-hal yang bersifat umum itulah sifat kasih sayang itu *concern* [ambil berat], menitikberatkan sebagai seorang anak, insan sudah tentu tidak sempurnalah tetapi bagi kami sudah merasakan anugerah ALLAH S.W.T diberi sehingga umurnya berakhir --- merasakan amat berpuas hati dengan sikap, pembawaan

dan sumbangan Ahmad Hakimi kepada keluarga dan dirinya sendiri.

**NFH : Sebagai ketua keluarga kepada mangsa, apakah harapan Encik Hanapi terhadap kejadian ini selepas 10 bulan terjadinya kejadian ini?**

EH : Harapan saya itulah ertinya bagi saya setiap tragedi itu *satu* [1] pengajaran, amaran dan dari segi perspektif Islam, ALLAH S.W.T sayang kepada orang-orang yang beriman orang islam berbanding dengan orang kafir, orang yang beriman *ni* [ini] orang yang ALLAH S.W.T sayang kalau sayang itu dia ada seperti bagaimana seorang ayah sayang kepada anak kalau ada kesilapan anak diberi pengajaran samada misalnya kalau umur *sepuluh* [10] tahun boleh dirotan untuk diberi pengajaran jadi bagi saya musibah ini pengajaran bagi kita dan saya mengharapkan di peringkat lebih luas dan para pemimpin negara dan juga sebagai ummah di Malaysia harus mesti mengambil iktibar terhadap tragedi kerana sudah tentu yang keduanya ialah supaya tuntutan-tuntutan atau keperluan daripada tragedi sebuah yang dialami oleh syarikat penerbangan Malaysia itu segala keperluan bagi mangsa terutama staf, kakitangan, krew dipenuhi. Bagi saya itu, ada undang-undangnya tetapi apa yang kita mengharapkan ialah institusi dalam negara ini iaitu salah satunya institusi penerbangan yang diwakili syarikat penerbangan Malaysia [MAS] dan mana-mana institusi harus

dibersihkan dari unsur-unsur yang negatif kerana ada kecenderungan dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem *corporatization* [penswataan] ada kecenderungan golongan tertentu untuk mendapatkan keuntungan yang cepat dan menyebabkan syarikat mengalami kerugian sebagaimana contoh MAS [Malaysian Airlines] dan sudah tentu ada silapnya sana sini dan bagi saya ini *jugak* [juga] *satu* [1] pengajaran tapi kasih sayang ALLAH S.W.T kepada perubahan itu tetap kita yakin terutama dalam hubungan ini anak kami, Ahmad Hakimi kami yakin dengan sifat *Ar-Rahman* [Maha Pemurah] *Ar-Rahim* [Maha Pengasihani] ALLAH S.W.T ini rahsia *Bismillah* [Dengan nama Allah] itu. Kita dikehendaki menyebut *Bismillahirrahmanirrahim* [Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani] dalam berbuat apa sahaja yang baik-baik dan ini jadi satu petunjuk bahawa dalam keadaan apa sekalipun termasuk dalam tragedi yang dihadapi oleh manusia terutama oleh orang yang beriman itu, sifat kasih sayang ALLAH S.W.T tidak pernah hilang dan oleh kerana itu kita masih redha dan bahkan merasa sangat sangat dikatakan bersyukur kerana walaupun kita tidak mengkehendaki sesuatu tragedi itu berlaku tetapi berlaku kita merasa redha, tidak ada terkilan dan janji ALLAH S.W.T lebih daripada segala-galanya. Tetapi yang kedua itu, aspek pengajaran, amaran dari suatu musibah dan disebut dalam Surah As-Syura: Ayat 30 yang bermaksud (membaca potongan ayat Al-Quran) ayat ini menyebut pasal redha, takdir dan itu sudah lepas yang bahagian kedua inilah yang belum selesai dan ini menuntut perbaikan dari pihak-pihak

yang berkenaan dan itulah yang menjadi *concern* [perhatian] saya. Kita mengharapkan ulama' atau bijak pandai untuk mengetengahkan perkara ini tetapi nampaknya hanya fokus kepada takdir, redha sahaja tidak melihat kepada aspek perlunya perbaikan dari segi pengurusan, dalam konteks hubungan sesama insan, semua pemerintah dengan rakyat dan keadilan sesama manusia hatta kepada manusia bukan muslim. Kalau selagi kita beranggapan bahawa kita mempunyai kuasa kita boleh mengadakan dan menafikan sesuatu yang saksama dan itu menjadi sebab kepada malapetaka atau musibah jadi dari aspek ini susah nak diketengahkan kecuali para bijak pandai dan ulama' mengetengahkan dan itu perlunya perbaikan berasaskan surah As-Syura. Soal takdir, redha sudah tidak ada masalah kerana hubungan menegak kita dengan ALLAH S.W.T tetap teguh dan kita yakin tetapi malapetaka perlu dielakkan dan ini saya rasa bukan sebab benda atau *material causes* [pengurusan pesawat] kerana sudah ada yang silap dari segi pengurusan pesawat terbang tetap mungkin sebab-sebab yang bukan benda saya rasa perlu dikentangahkan oleh pihak-pihak bijak pandai supaya negara kita lebih baik dan lebih cemerlang.

**NFH : Setakat ini sahaja sesi temubual, kami mengucapkan ribuan terima kasih kerana encik sudi meluangkan masa bersama kami?**

EH : Saya juga berterima kasih kerana sudi datang kerumah. Terima kasih kepada saudari Nik Nurin Ilyana Bt Nik Mohd Yusoff dan saudari Noor Farhana Bt Hassan terima kasih kerana sudi datang dari jauh ke rumah saya di Cyberjaya. In Sha Allah, dengan sekadarnyalah apa yang disampaikan itu memberi manfaat kepada tugas akademik yang ditugaskan dan juga memberi manfaat kepada secara umumnyalah. Terima kasih.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

# **RUJUKAN**

## **RUJUKAN**

Prof. Madya Dr Hanapi Mohd Nor (personal communication, April 18, 2015)

The Official Website of International Islamic University Malaysia: Kuliyyah of Islamic reavealed knowledge and human sciences, Retrieved at 2015, April 3 from  
<http://www.iium.edu.my/irkhs/departments/general-studies/staff/hanapi-hj-mohd-nor>

Ratulfaten: Ahmad hakimi hanapi dalam kenangan (Co-Pilot MAS Boeing 777 MH17)  
<http://sangratul.blogspot.com/2014/08/ahmad-hakimi-hanapi-dalam-kenangan-co.html>

Malaysianreview: Tragedi MH17: Keluarga syukur, jenazah ahmad hakimi cukup sifat  
<http://malaysianreview.com/74948/tragedi-mh17-ahmad-hakimi/>

Deutsche Welle: Amsterdam holds memorial for MH17 crash  
<http://www.dw.de/amsterdam-holds-memorial-for-mh17-crash/a-18052544>

# LAMPIRAN

## **LOG WAWANCARA**

Noor Farhana binti Hassan menemubual Profesor Madya Dr. Hanapi Haji Mohd Nor, yang dilahirkan pada tahun 1947 di Pasir Hor, Kota Bharu, Kelantan. Temubual dijalankan di rumah beliau di Cyberjaya, Selangor, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pensyarah dan sebagai bapa salah seorang mangsa tragedi MH17 di Ukraine yang berlaku pada tahun 2014 tahun lalu.

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.01	Sesi pengenalan	Noor Farhana Hassan, Nik Nurin Ilyana Nik Mohd Yusoff, Profesor Madya Dr. Hanapi Haji Mohd Nor, Cyberjaya, Selangor.
0.58	Tarikh lahir dan tempat lahir tokoh	Tahun 1947 , Pasir Hor, Kota Bharu, Kelantan.
1.47	Latar belakang pendidikan	Kota Bharu dan Kubang Kerian, Jakarta dan Kaherah.

2.53	Mengenai pekerjaan	Pensyarah,  Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
4.18	Hobi	Olahraga Wado [cara Jepun].
7.18	Menceritakan mengenai ibu bapa.	Ayah tinggal di Kubang Kerian, Kelantan,  Ibu tinggal di Bachok, Kelantan,  Ayah seorang peniaga,  Ibu suri rumah sepenuh masa.
9.15	Adik-beradik dan pekerjaan mereka.	6 orang adik-beradik, 5 orang dari ibu kandung, seorang dari ibu tiri.  1. Pensyarah (beliau),  2. Petani,  3. Jurutera,  4. Pegawai polis,  5. Suri rumah.
12.01	Tempat tinggal.	Cyberjaya, Selangor.

14.18	Perkahwinan.	1982,  Noriah bt Haji Daud,  Melor, Kota Bharu, Kelantan,  Suri rumah sepenuh masa.
15.10	Anak-anak dan pekerjaan mereka.	Husna bt Hanapi (suri rumah),  Husnia bt Hanapi (penasihat undang-undang),  Ahmad Hakimi bin Hanapi (pembantu juruterbang),  Nur Humaira bt Hanapi (pekerja pentadbiran)

## BAHAGIAN 2: KERJAYA

00.00	Sekolah rendah dan menengah.	Tahun 1954 – Sekolah Melayu Pasir Hor, Kota Bharu, Kelantan,  Tahun 1957 – Sekolah Yaakubiah, Lundang, Kota Bharu, Kelantan.
-------	------------------------------	--

19.50	Menceritakan mula bertugas dengan <i>USM</i> [Universiti Sains Malaysia]	Semasa Master, 1984.
21.24	Menceritakan mengenai tahun bersara.	2005, <i>USM</i> [Universiti Sains Malaysia], Kubang Kerian, Kelantan.
21.42	Menceritakan pengalaman permulaan bertugas sebagai pensyarah.	1984, Ketua Jabatan.
26.49	Menceritakan pengalaman pahit dan manis sepanjang bekerja.	Manis – dapat memberi sumbangan kepada universiti dan masyarakat, Pahit – terkebelakang dalam bidang penyelidikan.
32.37	Menceritakan pendorong utama sehingga mencapai kejayaan.	1. Keluarga, 2. Rakan
36.07	Menceritakan pengalaman belajar di Kaherah, Mesir.	Pelajar terpilih oleh Persatuan Malaysia Mesir, 1975.

38.57	Menceritakan kursus yang diambil di Kaherah, Mesir.	Budaya Islam.
41.47	Menceritakan tempoh berkhidmat sebagai pensyarah.	18 tahun.
42.25	Menceritakan peringkat dinaikkan pangkat.	1984 – Ketua Jabatan di USM, 2003 – Profesor Madya.
44.02	Menceritakan aspek penilaian dalam proses kenaikan pangkat.	Pendidikan, Penyelidikan, Khidmat masyarakat.
47.20	Menceritakan kejayaan yang dicapai selain menjadi seorang pensyarah.	Penulisan.
49.38	Menceritakan sumbangan yang diberi kepada universiti dan negara.	Menyeleggarakan kursus universiti yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, Menjadi ahli jawatankuasa peringkat negeri Pulau Pinang.
52.34	Menceritakan waktu fokus	Malam.

	terhadap sesuatu kerja.	
55.47	Menceritakan perasaan mencapai tahap kejayaan.	Syukur.
57.48	Menceritakan harapan terhadap anak-anak bangsa.	Pencapaian yang bersepadu dari segi akademik dan bukan akademik.

### **BAHAGIAN 3: TRAGEDI MH17**

90.31	Mengenai khabar berita kejadian.	Amsterdam Kuala Lumpur Media
93.47	Menceritakan layanan dari pihak media.	Media antarabangsa Amerika Syarikat TV9 Astro Stesen dari Indonesia
96.01	Menceritakan proses pengecaman jenazah.	Belanda, Holland

		MAS Pengkalan Tentera Laut Belanda JAKIM
100.47	Menceritakan sikap dan perwatakan arwah.	Watak yang seimbang  Ambil berat terhadap ahli keluarga  Tonggak kepada keluarga
106.04	Menceritakan memori.	Seorang yang menyenangkan  Sikap yang baik  Kesihatan yang mantap  Kecemerlangan dalam akademik.
110.18	Kesan selepas kejadian.	Meningkatkan tahap prihatin kepada kehidupan.  Kesedihan mengatasi kegembiraan.
114.25	Harapan.	Mengambil iktibar  Sebagai pengajaran kepada semua  Institusi-institusi dibersihkan dari unsur negatif

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
11.00 pagi	10 Mac 2015	Memilih subjek dan tokoh yang sesuai untuk ditemuramah	Menyenarai pendek tokoh yang dipilih.
2.00 petang	20 Mac 2015	Membuat keputusan untuk menukar tokoh kerana tokoh yang dipilih terlalu sibuk.	Mencari tokoh lain.
10.0 pagi	25 Mac 2015	Memilih Prof. Madya Dr Hanapi Mohd Nor sebagai tokoh baru.	Mendapatkan nombor telefon beliau.
10.17 pagi	1 April 2015	Berhubung menerusi aplikasi Whatsapp untuk bertanya kesudian untuk ditemuramah.	Menunggu jawapan.
9.20 pagi	7 April 2015	Mendapat kebenaran dari pihak tokoh untuk ditemuramah.	Merujuk kepada pensyarah untuk penukaran tokoh dan membeli tiket ke Kuala Lumpur.
11.16 pagi	8 April 2015	Mendapat alamat kediaman tokoh di Cyberjaya.	Membina soalan yang berkaitan.
9.00pg	16 April 2015	Mendapat alamat email untuk dihantar <i>questionnaire</i> .	Menambahbaik soalan dan memaklumkan tarikh dan masa untuk sesi temubual
11.00 pagi	17 April 2015	Bertolak ke Kuala Lumpur.	Memaklumkan kedatangan kami kepada tokoh.

8.00 pagi	18 April 2015	Bertolak ke rumah tokoh.	Memaklumkan mengenai kedatangan kami sekali lagi.
12.00 Tengahari	18 April 2015	Sesi temubual bermula dan tamat pada pukul 2 petang.	Menggunakan perakam suara dari <i>smartphone</i> dan Blackberry.
8.00 malam	1 Mei 2015	Memulakan proses <i>transcribe</i> suara tokoh yang dirakam untuk pendokumentasian.	Merujuk kepada format yang telah ditetapkan oleh pensyarah.
3.00 petang	20 Jun 2015	Menghantar laporan akhir untuk proses pembukuan menggunakan <i>hardcover</i> .	
10.00 pagi	23 Jun 2015	Mengambil laporan yang telah diap di kedai buku.	Membayar sejumlah harga untuk <i>hardcover</i> .
10.00 pagi	24 Jun 2015	Menghantar laporan lengkap kepada pensyarah.	

# **SOALAN TEMURAMAH.**

## **LATAR BELAKANG**

1. Apakah nama penuh Encik Hanapi dan apakah nama panggilan Encik?
2. Bilakah tarikh lahir Encik?
3. Berapakah umur Encik sekarang?
4. Dimanakah Encik Hanapi dilahirkan?
5. Berapa lamakah tempoh Encik menetap di negeri kelahiran?
6. Selain negeri kelahiran, adakah Encik memiliki rumah lain?
7. Apakah faktor Encik memilih untuk menetap di sini berbanding rumah di negeri lain?
8. Pada tahun berapakah Encik mula menetap di sini?
9. Apakah hobi Encik/ apakah Encik lakukan pada waktu lapang?
10. Siapakah nama penuh ayah Encik?
11. Apakah pekerjaan ayah Encik?
12. Siapakah nama penuh ibu Encik?
13. Apakah pekerjaan ibu Encik?
14. Adakah mereka masih hidup lagi?
15. Dimanakah ayah dan ibu Encik menetap?
16. Berapa ramaikah adik beradik Encik?
17. Berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan?
18. Encik anak keberapakah?
19. Bagaimana latar belakang pendidikan adik-beradik Encik?
20. Berdasarkan apa yang kami tahu, Encik sudah mendirikan rumah tangga, pada tahun bilakah Encik mendirikan rumah tangga?
21. Siapakah nama penuh isteri Encik?
22. Apakah pekerjaan beliau?
23. Berapakah bilangan anak Encik Hanapi?
24. Berapakah anak perempuan dan berapakah anak lelaki?
25. Apakah nama anak-anak Encik Hanapi?

26. Apakah pekerjaan anak-anak Encik Hanapi?
27. Berapa orang anak Encik yang sudah mendirikan rumah tangga?
28. Adakah anak-anak Encik tinggal bersama Encik?
29. Bagaimanakah cara Encik mendidik anak-anak Encik sehingga berjaya?
30. Apakah prinsip hidup Encik?

## PENDIDIKAN

1. Dimanakah Encik mendapat pendidikan awal/bersekolah rendah?
2. Tahun berapakah Encik mendapat pendidikan awal?
3. Bagaimana pula pendidikan Encik di peringkat sekolah menengah?
4. Pada tahun berapakah Encik bersekolah menengah?
5. Semasa dizaman persekolahan, adakah Encik aktif bersukan/berpersatuan?
6. Apakah tahap tertinggi Encik pernah capai dalam bidang kurikulum?
7. Siapakah teman persekolahan yang paling diingati dan masih rapat sehingga sekarang?
8. Dalam bidang akademik, subjek apakah yang paling diminati dan paling tidak diminati?
9. Apakah pengalaman manis dan pahit sepanjang persekolahan?
10. Selepas tamat persekolahan, adakah Encik terus melanjutkan pelajaran atau bekerja dahulu?
11. Adakah Encik mengambil tahap lanjutan dalam pendidikan tinggi?
12. Dimanakah Encik mengambil tahap lanjutan di peringkat tinggi?
13. Kursus apakah yang diambil oleh Encik?
14. Pada tahun berapakah Encik mengambil tahap lanjutan pendidikan tinggi dan berapa tahunkah tempoh tersebut?
15. Siapakah teman seperjuangan Encik semasa di universiti?
16. Dari aspek apakah Encik memilih untuk mencari teman?

17. Pada pendapat Encik, adakah teman seperjuangan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran Encik?
18. Sehingga tahap apakah tahap pendidikan Encik?
19. Apakah pekerjaan pertama Encik selepas tamat pengajian?
20. Dimanakah tempat pekerjaan Encik?
21. Apakah pekerjaan Encik Hanapi sebelum bersara dan dimanakah tempat itu?
22. Apakah faktor yang menyebabkan Encik bekerja di situ?
23. Pada tahun berapakah Encik Hanapi mula berkhidmat sebagai pensyarah?
24. Kenapakah Encik memilih untuk menjadi pensyarah?
25. Apakah tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Encik?
26. Apakah pengalaman pahit manis sepanjang bekerja di situ?
27. Apakah pencapaian-pencapaian yang diperoleh sepanjang menjadi seorang pensyarah?
28. Bolehkah Encik berkongsi sedikit rahsia kejayaan Encik?
29. Disebalik kejayaan Encik, siapakah pendorong utama Encik untuk berjaya?
30. Pernahkah Encik menghadapi saat-saat kejatuhan dan bagaimana Encik menghadapinya?
31. Apakah masalah yang selalu dihadapi Encik semasa menjadi seorang pensyarah?
32. Bagaimanakah Encik membahagikan antara masa untuk bekerja dan masa untuk keluarga?
33. Berapa lamakah tempoh Encik berkhidmat sebagai pensyarah?
34. Adakah Encik pernah dinaikkan pangkat sepanjang menjadi seorang pensyarah?
35. Boleh Encik ceritakan kronologi awal jawatan Encik dalam bidang ini?
36. Berapa lamakah Encik menyandang jawatan tersebut?
37. Jawatan manakah yang paling lama Encik sandang?
38. Apakah cabaran khusus Encik ketika Encik menyandang jawatan tersebut? dari segi apakah yang dinilai dalam proses kenaikan pangkat?
39. Apakah pengalaman berharga Encik ketika menjadi seorang pensyarah?

40. Selain menjadi pensyarah, adakah Encik mempunyai kejayaan dalam bidang yang lain?
41. Sepanjang menjadi pensyarah, apakah sumbangan yang pernah Encik berikan kepada Negara?
42. Apakah sumbangan terbesar Encik dan apakah faktor-faktor sehingga mencapai tahap itu?
43. Dalam bentuk apakah sumbangan yang Encik berikan?
44. Bagaimanakah Encik membahagikan masa antara kerja dan keluarga?
45. Bilakah selalunya Encik akan fokus terhadap sesuatu kerja?
46. Apakah perancangan Encik pada masa akan datang?
47. Adakah pencapaian Encik memberi inspirasi kepada ahli keluarga?
48. Bagaimanakah perasaan Encik apabila mencapai tahap ini?
49. Apakah kejayaan sekarang memberi impak yang besar kepada diri Encik sendiri?
50. Apakah harapan Encik terhadap anak bangsa selepas mencapai kejayaan ini?

## **TRAGEDI MH17**

51. Boleh En.Hanapi menceritakan situasi yang berlaku apabila mendengar khabar berita mengenai kejadian ini?
52. Apakah reaksi ahli keluarga Encik terhadap perkhabaran itu?
53. Bagaimana Encik dan keluarga Encik menghadapi saat-saat sukar itu?
54. Sebagai ahli keluarga kepada mangsa, bagaimanakah En. Hanapi mendapat layanan daripada pihak yang terlibat? (pihak media)
55. Bagaimanakah suasana ketika berada di Amsterdam untuk proses pengecaman?
56. Adakah semua ahli keluarga Encik pergi ke sana?
57. Sebagai anak lelaki tunggal dalam keluarga, bagaimanakah sikap dan perwatakan arwah terhadap ahli keluarga yang lain?
58. Apakah memori yang paling bermakna antara En.Hanapi dengan arwah?

59. Apakah kesan yang telah berlaku kepada keluarga En.Hanapi selepas terjadinya kejadian ini?
60. Sebagai ahli keluarga kepada mangsa, apakah harapan En. Hanapi terhadap kejadian ini selepas 10 bulan terjadinya kejadian ini?

# **SURAT PERJANJIAN**

# **GAMBAR**




**Gambar 1:** Bergambar bersama Encik Hanapi selepas sesi temubual



**Gambar 2:** Majlis Pengebumian Ahmad Hakimi




Gambar 3: Majlis Pengebumian Ahmad Hakimi



Gambar 4: Sahabat Arwah Hakimi bersama anaknya



Gambar 5: *Memorial* di Lapangan Terbang Amsterdam, Belanda



Gambar 6: *Memorial* di Amsterdam



Gambar 7: Encik Hanapi dan Puan Noriah, ibu bapa kepada arwah Hakimi



Gambar 8: Luahan hati Encik Hanapi

# **INDEKS**

# INDEKS

## A

*Adventure* 20

Algebra 26, 65

## B

Bermastautin 19

Berpetualang 31

## C

*Chemical Engineering*  
19

*Compete* 29

Concern 54, 56, 58, 60

*Corporatization* 59

## D

*Debate* 27

## E

Eksakta 28

*Emirates* 13, 22

*Encouragement* 30

*Equivalent* 40

## G

Geometri 26, 65

## H

Hakiki 41

*Historical moment* 25

*Human nature* 49

## I

*Immaterial* 54

## K

Kondusif 46

Konfentasi 28

Konvensional 30

Komuniti 49

## L

Langganan 38

## M

Mangsa 1, 2, 15, 51, 58

*Malaysian Airlines* 13,

22, 52, 59

## P

*Profession* 26, 36, 45

Pengistilahan 36

Prospektif 44, 58

Produktif 43

## R

Rahmatullah 21

Redha 51, 54, 55, 59, 60

Responden 15

*Rhetoric* 27

## S

*Satisfaction* 50

Setiakawan 29

*Struggle* 30

## T

Tragedi 1, 2, 6, 13, 15,

22, 50, 53, 54, 55, 57,

58, 59, 63

Tok Kenali 26

Tutor 34

Tamawaji 44

## W

Wado 16, 17

## Y

Yakni 13, 16, 17